



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-20947033
Fax : 03-20956523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(12)

(12)KPKT/BPK/19/7/4 Kit.25

11 Mei 2009

SIARAN MEDIA (PRESS RELEASE)

SISTEM STAR RATING PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SSR-PBT)

Pengenalan

Pelaksanaan Sistem Star Rating Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) akan membantu untuk menggredkan tahap prestasi PBT dalam menjalankan peranannya ke arah meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan.

SSR-PBT adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Melalui sistem ini, semua PBT dijangka akan lebih bertanggungjawab dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih efisien dan berkualiti.

Objektif SSR-PBT

SSR-PBT ini disediakan adalah untuk menangani kelemahan-kelemahan serta isu-isu yang dihadapi oleh PBT seperti yang disebutkan sebelum ini. Oleh kerana itu, SSR-PBT diharapkan dapat:

- i. Menilai tahap pencapaian penyampaian perkhidmatan PBT
- ii. Meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut ranking agar PBT dapat meningkatkan daya saing (competitiveness) masing-masing; dan
- iii. Mengemaskini ciri-ciri PBT yang berprestasi tinggi supaya mereka sentiasa menjaga dan memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi.

Kriteria Penggredan

SSR-PBT bertujuan untuk menggredkan tahap penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh setiap PBT di seluruh negara berasaskan kepada empat (4) kriteria utama yang juga merupakan fungsi utama PBT seperti berikut:-

- | | |
|---|-------|
| 1. Pengurusan | - 30% |
| 2. Perkhidmatan-Perkhidmatan Teras | - 35% |
| 3. Pengurusan Pelanggan | - 15% |
| 4. Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk | - 20% |
| i. Penglibatan Komuniti (10%) | |
| ii. Pandangan Penduduk (Soal Selidik) (10%) | |

PELAKSANAAN SSR-PBT

1. Methodologi Penggredan

Bagi tujuan penggredan, pengumpulan data adalah ,elibatkan semakan ke atas Laporan Tahunan, Laporan Kewangan Tahunan, Laporan Pemantauan Projek Pembangunan dan lain-lain dokumen sedia ada serta maklumat-maklumat yang diperolehi secara online dan temubual dengan pegawai-pegawai PBT. Sebagai permulaan, satu pasukan penilai yang terdiri daripada pegawai Bahagian Inspektorat KPKT, Bahagian Kewangan KPKT, Jabatan Kerajaan Tempatan dan pegawai Audit KPKT. Bagi penilaian yang selanjtnya akan dilakukan oleh pasukan inspektorat KPKT.

Penggredan akan dilakukan setiap 2 tahun sekali. Walau bagaimanapun, penggredan semula boleh dilakukan pada tahun berikutnya ke atas PBT yang memperolehi taraf antara 1 hingga 2 bintang bagi memberi peluang kepada PBT tersebut melakukan penambahbaikan dalam tempoh tersebut agar taraf bintang itu dapat dipertingkatkan. Bagi PBT yang memperolehi antara 3 hingga 4 bintang, mereka akan dinilai berdasarkan kepada permintaan seawal-awalnya 6 bulan selepas penggredan dilakukan. PBT yang berada di dalam kategori ini hanya memerlukan penambahbaikan yang bersifat minor sahaja dan boleh dilakukan dalam jangkamasa yang singkat. Manakala bagi PBT yang memperolehi 5 bintang, mereka dibenarkan memegang taraf tersebut selama 2 tahun dan selepas itu PBT ini tertakluk kepada penilaian semula.

2. Strategi Pelaksanaan

Sistem Penggredan PBT akan dilaksanakan dalam 2 peringkat seperti berikut :

i. Peringkat Pertama

Pelaksanaan pada peringkat ini melibatkan 47 PBT bertaraf Dewan/Majlis Bandaraya/Majlis Perbandaran.

ii. Peringkat Kedua

Pelaksanaan diperingkat kedua akan diperluaskan kepada 97 Majlis Daerah.

Carta Alir Sistem Star Rating PBT

